

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 DECEMBER 2016

SIAPA KINI JADI 'PENGEMIS' POLITIK?

UM - 14/12/2016

BERMULA dengan perpecahan antara UMNO dan Pas, orang Melayu kini terus berpecah. Ketika kedua-dua parti itu mula mencari titik persamaan dalam memperjuangkan nasib orang Melayu dan umat Islam, kini wujud pula parti baharu seperti Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan PAN. Ia belum lagi mengambil kira bagaimana ada orang Melayu di dalam PKR.

Apa yang berlaku sudah tentulah tidak menguntungkan orang Melayu, sebaliknya ia akan menyebabkan kekuatan umat Islam akan menjadi lemah dan paling meresahkan ia boleh menyebabkan kuasa politik mereka terjaya. Apabila perpecahan berlaku dalam kalangan orang Melayu, ia akan membuka jalan kepada pihak lain untuk mengukuhkan kedudukan dan menjadi penentu kepada kesinambungan kuasa politik orang Melayu. Orang Melayu terpaksa tunduk kepada mereka untuk menjadi 'pengemis' politik.

Pada Disember 2014, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menegaskan, UMNO, Pas dan PKR terpaksa mengemis untuk mendapat sokongan dan memenangi pilihan raya. Beliau juga menyatakan: "Orang Islam perlu bersaudara dan bersatu bukan berpecah. Bila bersatu mereka akan menjadi kuat. Perpecahan akan membawa kepada kelemahan. Orang lain tepuk tangan pasal kita berkelahi sesama kita, berpecah, diri kita jadi lemah dan akhirnya kembali menjadi pengemis kerana perlukan sokongan daripada orang lain kalau nak menang pilihan raya."

Persoalannya, adakah Dr. Mahathir masih berpegang kepada peringatan ini? Kalau begitu kenapakah beliau bersedia menyatakan bahawa segala pandangannya mengenai DAP selama ini adalah salah? Tidakkah sebagai Pengerusi sebuah parti, tindakan bersedia bekerjasama dengan DAP semata-mata mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan akan Barisan Nasional (BN) tidak akan mele-



**ZULKIFLEE
BAKAR**

zulkifleebakar@gmail.com

mahkan kuasa politik Melayu? Dan tidakkah kewujudan PPBM menambahkan lagi perpecahan dalam kalangan orang Melayu?

Inilah masalah dan 'penyakit' yang ada dalam kalangan ahli politik Melayu. Mereka hanya bijak bercakap dan memberi nasihat tetapi akhirnya mengamalkan sikap 'cakap tak serupa bikin'. Begitulah juga Dr. Mahathir, tiada sesiapa pun yang boleh melupakan jasa beliau kepada negara dan memajukan orang Melayu walaupun beliau mengaku gagal mengubah sikap orang Melayu selepas 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Sepatutnya kalau Dr. Mahathir berpegang kepada pandangan bahawa orang Melayu sudah tidak boleh lagi berpecah belah, kenapa beliau rela membenarkan satu lagi parti Melayu ditubuhkan? Tidakkah ini akan menyebabkan perpecahan dalam kalangan orang Melayu akan bertambah parah?

Namun inilah politik. Orang politik tetap orang politik. Apabila tiba masanya mereka sendiri melakukan perkara yang mereka larang sebelum ini. Itulah yang berlaku kepada Dr. Mahathir. Ketika beliau pernah mengingatkan orang Melayu dengan berkata, "perpecahan yang berlaku itu telah mengakibatkan parti-parti dominan Melayu kini terpaksa mengemis mendapatkan sokongan untuk memenangi pilihan raya memandangkan mereka kini telah menjadi minoriti." kini beliau dilihat 'mengemis' kepada DAP untuk mendapatkan sokongan.

Satu ketika dahulu sekitar Mei 2011 Dr. Mahathir juga pernah berkata, "Ada pula Melayu yang sanggup memperjuangkan agenda politik DAP walaupun jelas DAP menentang Melayu dan agama Islam." - sekarang orang Melayu yang sanggup berbuat demikian termasuklah beliau dan anak ke-



DR. MAHATHIR MOHAMAD menolak nasihat Pas supaya tidak bekerjasama dengan DAP malah menyifatkan nasihat itu tidak berkesan selain menganggap Pas adalah sebuah parti yang keliru. - GAMBAR HIASAN

sayangannya, Datuk Seri Mukhriz.

Mukhriz dalam satu ceramah di Alor Setar menegaskan: "Kalau DAP menang, memang calonnya Cina tapi kalau mereka kalah, calonnya tetap Cina juga. Dakwaan hak orang Melayu akan terhapus jika DAP menguasai kerajaan adalah tidak betul. Inilah tohmahan yang disebarkan oleh pemimpin UMNO itu sendiri. Kita ini tak bersikap macam itu, kita tidak langsung hendak bangkitkan soal perkauman lagi."

Kita memahami dalam keadaan untuk mencapai agenda politiknya, Dr. Mahathir bersedia melakukan apa sahaja termasuklah menarik balik segala kata-kata beliau kepada DAP, tetapi kaedah politik yang dipilih tidak akan menguntungkan orang Melayu. Apa yang malangnya ketika beliau pernah menegaskan, orang Melayu terpaksa mengemis kepada pihak lain untuk mendapat kuasa, beliau sendiri sanggup mengutamakan DAP berbanding Pas.

Dr. Mahathir dalam kenyataannya pada 10 Disember lalu menolak nasihat Pas supaya tidak bekerjasama dengan DAP malah menyifatkan nasihat itu tidak

berkesan selain menganggap Pas adalah sebuah parti yang keliru.

Sememangnya Dr. Mahathir ialah seorang pemimpin yang hebat kerana pernah menasihatkan orang Melayu mengenai ancaman kepada kuasa politik mereka jika orang Melayu berpecah belah, tetapi malang beliau kini menjadi salah seorang pelakunya.

Disebabkan dendam politik yang tidak berkesudahan, Dr. Mahathir sengaja melupakan peringatannya kepada orang Melayu berhubung kesan akibat perpecahan sesama mereka. Antara lain beliau berkata: "...ini kerana orang Melayu asyik berperang sesama sendiri dan apabila berperang, mereka akan mencari orang Cina untuk suruh sokong. Mereka pun jadi naik tocang kerana kita hendak sangat sokongan dia."

Persoalannya, tidakkah tindakan beliau akan memungkinkan perpecahan dalam kalangan orang Melayu semakin parah dan perbuatan beliau sebaik-baiknya dengan DAP tidak boleh dianggap 'mengemis' sokongan? Sebagai pemimpin politik yang hebat, Dr. Mahathir pasti tahu jawapannya.